

IPEF 2023 tangani isu pasaran buruh

PETALING JAYA: Seiring perubahan landskap pasaran buruh yang mengalami siri kejutan ketara terutama sejak tiga tahun lalu, International Public Employment Forum (IPEF 2023) bakal menjadi wadah terbaik untuk menggarap strategi mengharungi dinamika dunia pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, penganturan forum selama tiga hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) mulai 11 Oktober hingga 13 Oktober ini, dengan menampilkan lebih 28 ahli panel pakar dalam bidang masing-masing juga berperanan sebagai saluran perkongsian pelbagai matlamat pasaran buruh yang akhirnya memberi laba kepada majikan.

Katanya, inisiatif perkongsian ahli panel dari dalam dan luar negara menerusi IPEF 2023 akan meliputi aspek pemerikasaan tenaga buruh, Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta sosial dan urus tadbir pekerjaan.

"Maklumat sebegini mampu menyuntik perubahan positif terhadap rangkaian aspek pengurusan sumber manusia, sekali gus melonjak tahap produktiviti pekerja dan unjuran prestasi syarikat serta mewujudkan



The banner for the International Public Employment Forum (IPEF) 2023 features the event's logo in large blue and green letters. To the right of the logo is a portrait of V. Sivakumar, the Minister of Human Resources. Below the logo, the dates '11-13 OCTOBER 2023' and the location 'KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)' are listed. A QR code is provided for registration, with the text 'Register at ipet2023.perkeso.gov.my'. The banner also includes the IPEF logo and the hashtag #pet2023.

tenaga buruh yang utuh. "Anjakan perubahan ini amat bertepatan pada masanya, dengan mengambil kira kesan kejutan ketara

berikutan pandemik COVID-19 yang menyaksikan amalan pengurusan sumber manusia terdahulu bertukar jumud," katanya dalam satu kenyataan



V. SIVAKUMAR

semalam. Beliau berkata, demi memastikan dasar semasa mencakupi pengurusan sumber manusia, faktor penawaran dan permintaan pasaran buruh, serta corak pengoperasian pekerja kekal relevan, pelbagai entiti syarikat gergasi di pentas global merencana hala tuju baharu.

Sehubungan itu katanya, perincian amalan terbaik diterapkan Bank Dunia, Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), selain pakar dari pelbagai negara luar antaranya Jepun, Norway, Belgium dan Jerman akan menjadi panduan

terbaik dalam merungkit kejuta pasaran buruh. Menurutny, forum itu turut disertakan dengan kehadiran Ment Ekonomi, Rafizi Ramli; Penasihat Penyelidikan Institut Penyelidikan Khazanah, Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram dan legenda baling ne Datuk Shalin Zulikifi. Tambahnya, pelbagai pakar pengurusan daripada AirAsia, Pos Malaysia dan Linkedin jug akan memberikan input merel berkaitan pasaran buruh yang transformatif.

Sivakumar berkata, peningke keperluan majikan, khususnya membabitkan jenis kemahiran c pengalaman tertentu, mengikut sektor pekerjaan adalah antara utama yang akan dibincang dale forum itu. Pendaftaran boleh dibuat mer <http://ipef2023.perkeso.gov.m> Sebarang pertanyaan, boleh hubungi PERKESO di nombor 1-300-22-8000, 019-6101294, 019-6057634, 019-6093342 ur peserta dalam negara dan 017-6881641, 019-2400714 bagi pes luar negara atau emel ipef.2023@perkeso.gov.my.